

FAKTA MENJELASKAN KEZALIMAN BARISAN NASIONAL (DR. MAHATHIR) bersatu mencegah kemungkaran

silalah buat salinan dan edarkan sebanyak mungkin kepada semua bakal pengundi

KATA-KATA MAHATHIR DAN PEMIMPIN BN YANG MENGHINA ISLAM. BUKTI...

- ö **“Siapa pernah tengok janggut Nabi. Masa zaman dia tak ada Gillette, itu sebab dia tak cukur janggut”**
Ucapan Mahathir ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi ketika membincangkan perlucutan jawatan Mufti Selangor dan bahaya fahaman Syiah
- ö **“Sayyidina Hamzah yang gugur di Uhud tidak dimandikan kerana tidak ada air, kerana terkorban di tengah-tengah padang pasir”**. ucapan Mahathir di Kuala Ketil yang mempersoalkan pejuang Islam yang mati syahid.
- ö **“Hukum rejam kepada penzina adalah primitif”** (Nilam Puri, 3 Mac 1994) Ucapan Mahathir yang mempersendakan hukum hudud (hukum Al-Quran).
- ö **“Datuk Dr. Harun Din mendapat pendapatan lumayan dari penjualan air jampi.”** Ucapan Dr. Mahathir ketika merasmikan bangunan tambahan Hospital Melaka yang mempersendakan kaedah perubatan Dr Harun Din ketika mengubat penyakit yang datang menemuinya
- ö **“murtad soal kecil, kita ada banyak agenda lain yang lebih penting”** Datuk Dr. Abdul Hamid Othman mengulas ketika disoal isu murtad yang memperlihatkan soal murtad tidak langsung dianggap penting dan merbahaya bagi umat Islam.
- ö **“Apa Quran boleh bikin lebuhraya ka?”** Ucapan Samy Vellu dalam satu ceramah di Sg Siput (Majalah Detik 15 Okt. 1999). Bukti pemimpin bukan Islam BN sudah berani menghina Islam
- ö **“sebarang usaha untuk melaksanakan pemerintahan Islam seolah-olah memusing jam ke belakang”**. Komen Ling Liong Sik ketika ditanya oleh wartawan Singapura baru-baru ini

FAKTA MURTAD YANG MENGGERUNKAN...

- Mufti WP Datuk Hashim Yahya, mendedahkan:
 - .. 3,000 orang memohon untuk keluar dari Islam di Kuala Lumpur
- Merujuk pada bancian tahun 1980, dari 6.1 juta orang Melayu di Sem Malaysia,
 - ✓ 4,766 Melayu menganut Kristian,
 - ✓ 522 Melayu menganut Hindu
 - ✓ 746 Melayu menganut Buddha
 - ✓ 456 kembali menganut agama Confucianisma dan Taoisma.
- Ingatkah anda lagi dengan kes Suzie Teoh dan Jassiza Zurich (1988), Norbaizura Abdullah (1990), Hartina Kamaruddin dan Nor Aisyah Bokhari (1997).

LAGI BUKTI...

“tidak tersebut di dalam al Qur’an sebarang larangan melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan judi.”
Ungkapan bekas Ketua Polis Negara, Tun Hanif Omar mengatakan demikian sebagai hujah untuk menerima gaji sebesar RM50,000 sebulan sebagai Timb Pengerusi Genting Berhad

TANAH RIZAB MELAYU (TRM) Semakin Pupus.

BUKTI...

Pada 1957, TRM diwartakan sebanyak 3 juta hektar

1995 tinggal 1.7 juta hektar

setelah Akta Pengambilan Tanah dipinda pada 1991,

Merosot
44%

CONTOH

- ⊗ Kerpan, Kedah (1993, 167 lot seluas 1000 ekar untuk ternakan udang yang tak menjadi),
- ⊗ Mambau, Negeri Sembilan 1994 (930 hektar tanah milik 666 orang untuk pembangunan),
- ⊗ Pantai Gelang 1990 (80 penduduk Langkawi diambil tanah untuk Pelangi Beach Resort) .
- ⊗ Batu Gajah, Clearwater Sanctuary Resort dan Pulau Pangkor. 739 ekar dijadikan padang golf dan taman rekreasi umum daripada kepentingan rakyat jelata
- ⊗ Tanah bendang Tandop, Alor Star seluas 638.32 hektar diambil untuk perumahan dan perindustrian yang akhirnya dijual kepada bukan Melayu.

Akan selamatkah TRM jika
bila Mahathir dan kroninya melelong nya
atas nama
pembangunan?
Masih punya tanahkah
umat Melayu masa
depan di tanah tumpah
darahku ini?

PROJEK-PROJEK MEMBAZIR YANG MUNCUL DI ZAMAN MAHATHIR

Tetapi pada masa yang sama...

Projek	Harga
Multimedai Super Koridor	RM2.0 bilion
Mahligai Airmata Rakyat	RM200 juta
Jet Peribadi PM (Global Express)	RM 200 juta
Panggung Negara	RM 225 juta
Kompleks Sukan Bukit Jalil	RM 1.5 bilion
Sukan Komanwel 1998	RM 330 juta (Sukom rugi RM10,642.844.00 dan hutang belum selesai RM 17,545,052.00 (sumber: Kenyataan KBDS di parlimen pada Ogos 1999)
Replika Keris Gergasi (Dipintu masuk Kompleks Sukan Bkt Jalil)	RM 9 juta
Projek Empangan Hidroelektrik Bakun	RM 13.4 bilion
Pusat Pentadbiran Putrajaya	RM 5.2 bilion
Program Jaya MSN	RM 160 juta
Velodrom Cheras	RM 9 juta
KLIA Sepang	RM 10.5 bilion
Litar Sepang F1	RM 286 juta (Untuk menganjurkan perlumbaan Malaysia kena bayar RM76 juta. Hadiah dan kos perbelanjaan RM 182.4 juta. Petronas belanjakan RM 1.9 bilion membolehkan mempunyai pasukan sendiri)
Tanam padi atas bumbung (Projek Sanusi yang menghasilkan hanya 41kg dibumbung seluas 97 meter persegi)	RM 200 ribu
Projek Jihad Basmi Kemiskinan (Untuk sembelih binatang korban. Boleh muat 1000 ekor lembu pada satu masa. Tapi mana lembunya?)	RM 16 juta

- Cukupkah rumah-rumah untuk kediaman rakyat?
- Mengapa biasiswa pelajaran rakyat dihapuskan?
- Bagaimana nasib nelayan, penoreh getah, petani yang terus bertarung dengan kemiskinan?
- Berapa ramai penduduk-penduduk setingan terus hidup menderita tanpa pembelaan sewajarnya?
- Siapa yang mengaut untung dari projek mega?... jika bukan kroni Mahathir
- Yang pasti, yang kaya terus tamak haloba dan yang miskin papa kedana